| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,963 |



雪邦

# 检疫局需增800执法人员

大马检疫及检验局（MAQIS）需增加800名新执法人员，以在大马半岛和纳闽57个入境处应对各种挑战。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，目前该局有463名执法人员，不足以应付各种工作，例如执法、走私种子和疾病检疫。

「现在网购也引起问题，物品（农产品和农业食品）可避开人手检查，需要更专业知识和先进设备。」

他周二推介大马检疫及检验局反贪污誓言后对记者说，他将向内阁建议增加该局人手。

此外，沙拉胡丁说，目前未有大马检疫及检验局人员因为涉及滥权或遭大马反贪污委员会提控。「该局人员每天交换轮班前将宣读上述反贪污誓言。」

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agricultural minister proposes additional 800 officials for MAQIS | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 21 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 8 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 299 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,006 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,018 |





对于所有擅自将未经许可的农作物带入境，当局执法人员皆会谨慎检查。

## 農長：口岸檢驗人手不足
# 建議MAQIS增800官員

（雪邦20日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁强调，为迎接"网购年代"带来的挑战，他将于9月份向内阁建议增加800名官员，投入大马检疫及检验局（MAQIS）服务。

他指出，目前全国共有463名大马检疫及检验局执法人员，分别驻守在全国共57个包括纳闽、不包括沙巴及砂拉越的入境口，检验所有出入口农产品如动植物、食物等，近年来因网购普及化，导致全马入境口检验工作面临更艰巨的挑战，以目前的情况而言，仅仅463名执法人员把关全国入境农产品，显然人手不足。

沙拉胡丁今早在吉隆坡国际机场出席大马检疫及检验局，见证当局执法官员及人员进行宣誓活动后，在新闻发布会上，如此表示。

他透露，随着科技发展迅速，加上不久前推行iMAQIS电子服务系统，申请进出口货物的程序从3小时简化成1分钟，让网购程序更简易，因此，作为大马出入境货品最终的把关的执法机构，必须谨慎处理所有拔可能造成危害的物件。

他强调，官员每天面对排山倒海的货物进行检验，当中包括带有病菌的动植物、肉类等，当局必须展开排查，必要时需要进行隔离检疫，以排除任何对国人造成病疫或危害的物品，否则，将会在地区上暴发病疫，后果一发不可收拾。

### 吁执法员办事严明

"下个月来临的内阁会议中，我将向内阁提呈上述建议，并希望会议上能够就此进行探讨，最终能够达成协议，通过增加800名人手的建议，届时，这些新增的官员将投放到全马各地的检疫及检验局，确保应付日益加重的工作量。"

他也在上述活动致词时指出，大马检疫及检验局的口号为"廉政执法"，因此，他呼吁当局执法人员务必尊从口号，办事严明、公正、不贪污、负责任地履行所有职务，确保所有进口的农产品都符合安全规格、质量及清真。

## 雖享網絡便利 國人勿非法買入農產品

沙拉胡丁披露，近年来取缔不少因没有申请入口准证的物品，许多国人享有网络便利，在没有申请入口准证的情况下购买各种敏感物品；从今年1月至7月31日，共有337宗因抵触2011年马来西亚检疫和检验服务法令（728法令）案件而遭到对付，这些因未拥有大马检疫及检验局发出的合法文件进口农产品，涉及的款项总值2253万6934令吉92仙。

"其中有87宗案件的涉及人事被有关当局开出总数达65万9777令吉30仙的罚款；4宗案件的涉案者被控上庭并判处共1万500令吉的罚款；另有168宗即总值962万394令吉96仙的货物，最终分别被通过、被禁止入境、充公甚至销毁。

他补充，全国共8州及1个直辖区的入境口，其中雪州关口出现最多抵触法令的农产品，近年来更有节节攀升的趋势，根据官方数据显示，2019年1月1日至7月31日，337宗案件，雪州则占了120宗，更是全国之首。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Maqis needs additional 800 new personnel | | |
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 21 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 8 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 131 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,376 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,127 |




# Maqis needs additional 800 new personnel

THE Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) needs an additional 800 new personnel to deal with various issues and challenges at the 57 entry points in Peninsular Malaysia and Labuan.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub *(picture)* said the current 463 personnel were not sufficient to deal with various issues such as enforcement, smuggling of seed species and diseases.

"Nowadays, there are issues related to online purchases where goods (agricultural produce and agro-food) can get past manual operations and this will surely require more sophisticated expertise and equipment," he told reporters after the Keramat Maqis launch and (corruption-free) pledge taking ceremony in Sepang yesterday.

Salahuddin said he would bring the issue on the need of more personnel to the Cabinet meeting and to the attention of Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad.



TMRpic

The Keramat Maqis, which is uttered daily before the exchange of shifts, will serve as a reminder to members on the importance of maintaining integrity and not to commit wrongdoings while on duty, he said. — *Bernama*

Powered by: isentia

| Headline | MAQIS needs additional 800 new officers | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 21 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 356 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,478 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,434 |






沙拉胡丁签署反贪污誓言，提醒自己保持廉正勿滥权。

# 检疫局需增800执法员

**（雪邦20日讯）** 大马检疫及检验局（MAQIS）需要增加800名新执法人员，以在半岛和纳闽57个入境处应对各种挑战。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，目前该局有463名执法人员，不足以应付各种工作，例如执法、走私种子和疾病检疫。

“现在网购也引起问题，物品（农产品和农业食品）可以避开人手检查，这需要更专业的知识和先进的设备。”

沙拉胡丁今天推介大马检疫及检验局反贪污誓言后对记者说，他将向内阁建议增加该局人手。

此外，沙拉胡丁说，目前未有大马检疫及检验局人员因为涉及滥权或遭大马反贪污委员会提控。

他说，该局人员每天交换轮班前将宣读上述反贪污誓言，提醒自己保持廉正和不要滥权。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/8/2019 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# MADA akan bantu petani terjejas sawah diserang tikus

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang mengenal pasti jumlah pesawah yang menanggung kerugian apabila tanaman mereka diserang tikus di Kampung Kolam, Mukim Tualang dekat Pokok Sena baru-baru ini.


Petani rugi ratusan ribu ringgit sawah musnah diserang tikus

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin berkata, MADA dan beberapa agensi lain akan mengadakan lawatan minggu depan bagi meninjau kesan akibat serangan tikus dan serangga perosak lain yang berlaku di kawasan tersebut.

"Saya akan bincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk penyediaan bantuan khas," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Katanya, tindakan membuang enapan di parit itu telah dilakukan pada April lalu, namun tergendala selepas berlaku kecurian komponen jengkaut MADA.

"Kerja-kerja yang tertangguh akan dilaksanakan semula pada September ini," jelasnya.

*Kosmo!* semalam melaporkan lebih 60 pesawah di Kampung Kolam, Mukim Tualang, di sini menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apabila hampir 90 peratus sawah yang diusahakan mereka musnah diserang tikus dan haiwan perosak lain sejak dua bulan lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 58 |

# Ayam Aqina masuk Asia Barat tahun depan

**Pengeluar** daging ayam kampung organik utama di Malaysia, Aqina Group of Companies (Aqina) akan mula mengeksport daging ayam keluarannya ke Asia Barat seawal separuh pertama tahun depan.

Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Wesley Tan, berkata pasaran eksport baharu itu bakal disokong kilang pemprosesan daging ayam bernilai kira-kira RM30 juta, yang dijadualkan beroperasi akhir tahun ini.

"Kilang baharu di Pekan Nenas, Johor itu berkeupayaan memproses 8,000 daging ayam sejam atau 64,000 daging ayam sehari dalam satu syif, atau dua kali ganda jumlah itu sekiranya membabitkan dua syif.

"Eksport akan membabitkan tiga produk ayam utama kami iaitu Red Label yang terdiri daripada ayam kampung dikenali sebagai ayam merah dalam pasaran ayam; Black Label iaitu ayam hitam premium segar; dan White Label iaitu ayam putih premium segar juga dikenali sebagai Ayam Nanas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Ayam Nanas di Giant Hypermarket Kota Damansara di Petaling Jaya, semalam.

Pelancaran disempurnakan Ketua Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Mengulas lanjut, Ng berkata, bersandarkan anggaran konservatif, pihaknya mensasar menguasai 30 peratus pasaran daging ayam tempatan dalam tempoh 10 tahun akan datang berbanding sekitar dua peratus ketika ini.

Selain pasaran tempatan, daging ayam Aqina turut dijual di Singapura.

Pada majlis sama Quaza turut mengumumkan kerjasama antara Aqina Agriculture and Biotech Industries Sdn Bhd dan UMP Technology Sdn Bhd (UMPT), anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memperkenalkan Ayam Nanas ke pasaran Malaysia.

Ayam Nanas, produk pertama seumpamanya di Malaysia, ditambah enzim probiotik yang diekstrak daripada varieti nanas MD melalui diet harian ayam diternak.

Enzim probiotik MD2 digunakan dalam amalan pertanian penternakan di ladang Aqina bagi menggantikan penggunaan antibiotik sedia ada untuk menghasilkan ayam yang bebas sisa antibiotik dan bebas hormon pertumbuhan.

Aqina juga bekerjasama dengan GIANT Hypermarket, Jaya Grocer, Village Grocer, AEON, AEON MaxValu, HERO MARKET, Jason Food Hall, Cold Storage, Ben's Independent Grocer, Maslee Express, De Luxe Circle Fresh Mart serta NSK Trade City untuk mengedarkan Ayam Nanas ke seluruh negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | NSTP | BUSINESS | 15 |

# BUSINESS




PIC BY AMIRUDIN SAHIB

# SPREADING ITS WINGS

AQINA Farm, Malaysia's sole exporter of kampung chickens, is eyeing overseas markets, such as Singapore and the Middle East, for its 'Ayam Nanas' and other products.

▸▸ PAGE 20



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | NSTP | NEWS | 20 |

EXPANSION PLANS

# S'PORE'S NEXT FOR AQINA'S KAMPUNG CHICKENS

## Company also eyeing RM1.5m revenue over next 12 months from 'Ayam Nanas'




*(From left) Aqina Group chief executive officer (CEO) Steve Wong, its executive director Wesley Tan, Agriculture & Agro-based Industries Ministry's Veterinary Services Department head Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan, UMP Technology Sdn Bhd general manager Dr Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi, and UMP Holdings CEO Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman at the signing of the partnership agreement in Kuala Lumpur yesterday.* PIC BY AMIRUDIN SAHIB


AZANIS SHAHILA AMAN
**KUALA LUMPUR**
bt@mediaprima.com.my


AQINA Farm, which claims to be Malaysia's leading producer of organic kampung chickens, plans to establish a strong presence in Singapore.

The company is also exploring other export markets, including the Middle East, for its processed chicken meat products.

Executive director Wesley Tan said the expansion plan was expected to kick off in the first half of next year.

Its new processing plant in Pekan Nanas, Johor, is expected to start operations by year end.

"Aqina is the only exporter of kampung chickens in Malaysia. We have invested RM30 million on the plant, which can produce 64,000 chickens a day," said Tan at the signing of a partnership with Universiti Malaysia Pahang's subsidiary, UMP Technology Sdn Bhd, yesterday to introduce "Ayam Nanas" chickens to the local market.

"Aqina is targeting to produce 100,000 Ayam Nanas a week and expects a RM1.5 million revenue in 12 months," he said.

Based on the breakthrough research by Aqina and UMP Technology, the MD2 pro-biotic enzymes from MD2 pineapple is used in Aqina's poultry farming to produce Ayam Nanas chickens that are free from antibiotic residues and growth hormones.

Chicken dung will in turn be used as organic fertiliser to enhance soil quality and produce best quality MD2 pineapples.

Aqina is collaborating with Giant Hypermarket, Jaya Grocer, Village Grocer, Aeon, Aeon MaxValu, Hero Market, Jason Food Hall, Cold Storage, Ben's Independent Grocer, Maslee Express, De Luxe Circle Fresh Mart as well as NSK Trade City to distribute Ayam Nanas chickens nationwide.

"We are also working with local farmers who have export certification from the Singapore Food Agency to enable us to export this product to the republic, probably by year end or early next year."

Aqina's farms produce three products, namely red label kampung chickens, which are known in the industry as red chickens, the black label chickens with black meat and skin, and the "white label" pineapple chicken.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 15 |

Petaling Jaya

# Ayam nanas bebas sisa antibiotik

Industri penternakan ayam terus berkembang dengan penghasilan produk makanan tambahan melalui pengekstrakan enzim nanas MD2 bagi menghasilkan ayam bebas sisa antibiotik dan bebas hormon pertumbuhan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, ayam nanas telah ditambah dengan enzim probiotik yang diekstrak melalui diet harian ayam berkenaan.

"Saya berbesar hati mengumumkan kejayaan teknologi penyelidikan dan pembangunan (R&D) ini kerana Malaysia mempunyai pakar penyelidik berbakat serta mempunyai syarikat yang mampu memanfaatkan peluang ini untuk mengembangkan dan memajukan industri penternakan.

"Pengguna bukan saja dapat menikmati penghasilan produk sihat dan selamat tetapi juga ayam nanas yang diberi makanan tambahan membolehkannya membiak secara semula jadi.

"Saya berharap pengeluar ayam di Malaysia akan mengamalkan sistem inovatif ini sebagai amalan industri terbaik untuk memastikan haiwan ternakan yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan pelancaran produk Ayam Nanas dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UMP Technology Sdn Bhd (UMPT) dengan Aqina Farm di Giant Kota Damansara, di sini, semalam.



DR Quaza

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Kumpulan Aqina, Wesley Tan dan Pengurus Besar UMPT, Dr Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, kerjasama antara Aqina dan UMPT anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan pemakanan yang lebih sihat, selamat dan lazat untuk dimakan rakyat Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | KEADILAN | UTAMA | 7 |

## Jana pendapatan maksima

# Melahirkan 'graduan durian'

**Oleh RIDZUAN ANWAR**

**SUKU** pertama 2019 menyaksikan hampir 516,600 golongan penganggur direkodkan Jabatan Perangkaan Malaysia di negara ini.

Daripada jumlah itu seramai 174,327 daripada 238,286 merupakan graduan yang berdaftar sebagai golongan pencari kerja aktif dengan JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung.

Jumlah ini dilihat cukup membimbangkan memandangkan pertambahan jumlah graduan yang tamat belajar di institut pengajian tinggi awam dan swasta.

Realitinya, graduan bakal berdepan dengan risiko sukar dalam memperolehi pekerjaan, lebih-lebih mereka harus bersaing sesama sendiri untuk memenuhi keperluan pasaran.

Sehubungan itu, langkah terbaik boleh dilakukan graduan adalah tidak terlalu memilih pekerjaan setara dengan kelayakan.

Di samping golongan ini wajar menceburi bidang baharu seperti pertanian yang mampu menjana kepada pendapatan lumayan.

Secara tidak langsung, kadar pengangguran dalam kalangan graduan dapat dikurangkan jika mereka mula menanamkan minat terhadap pertanian.

Ia sekali gus dapat menepis tanggapan masyarakat luar bahawa bidang ini tidak boleh mendatangkan hasil tinggi.

Umumnya, bidang pertanian ini tidak hanya tertumpu kepada kerja membanting tulang setiap hari di kebun mahupun sawah.

### Bukan banting tulang

Persepsi ini wajar diubah kerana ia sebaliknya berhubung rapat dengan kajian dan pembangunan (R&D), pemasaran, inovasi dan pengkomersilan serta ekonomi kreatif.

Pertanian di negara ini memiliki potensi yang besar untuk dimajukan dan diusahakan golongan muda.

Lebih-lebih lagi, Kerajaan Pakatan Harapan mendukung sebarang usaha anak muda untuk mempergiatkan aktiviti pertanian di seluruh negara.



Komitmen itu sudah disuarakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin **(gambar)** yang mengakui bidang pertanian moden mampu menjana hasil pulangan lumayan.

Beliau berkata, bidang pertanian kebanyakannya mengalami revolusi daripada sekadar penggunaan mesin tradisional kepada yang lebih moden.

"Petani hari ini kebanyakan menggunakan konsep baharu mengguna pakai teknologi canggih seperti Internet dalam telefon pintar mereka untuk mengawal air, ataupun menggunakan drone untuk membaja.

"Ada pula mereka yang berada dalam bidang ini terlibat dalam teknologi biotech, di mana pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta penghasilan tanaman yang lebih ideal," katanya kepada Suara Keadilan.



Katanya, perkembangan inilah menuntut golongan muda khususnya graduan universiti tempatan untuk berani terlibat dalam pertanian moden di negara ini.

Antara yang boleh diusahakan termasuklah pertanian buah-buahan tempatan seperti durian yang setiap kali musim tiba mampu meraih keuntungan berlipat ganda.

Katanya, buah durian mendapat permintaan yang sangat tinggi bukan sahaja masyarakat setempat, malah ianya turut mendapat sambutan hingga ke luar negara yang menggemarkan raja buah ini.

Selain itu, rata-rata pembeli juga sanggup menghabiskan ratusan ringgit demi membeli dan menikmati keenakan raja buah itu yang dinanti-nanti semua orang tidak kira bangsa mahupun agama.

"Kita lihat ada antara mereka yang mengeksport durian mereka ke luar negara dan saya sudah jangka ia boleh beri hasil yang sangat lumayan.

"Bukan itu sahaja, mereka juga kreatif menghasilkan cendol durian dan pelbagai lagi dalam usaha mempergiatkan promosi mereka terhadap penjualan durian," katanya.

Beliau memberi contoh durian Musang King atau nama asalnya Raja Kunyit yang mempunyai keunikan tersendiri dari segi warna isinya yang kuning pekat membuatkan ia cukup popular dalam kalangan penggemar durian.

Sebagai rekod, Kementerian Pertanian sebelum ini mendedahkan, Malaysia menerima jumlah pulangan keuntungan RM500 juta setahun hasil pengeksportan durian sejuk beku ke China.

Potensi ini sebenarnya membuka ruang kepada graduan untuk menceburi bidang ini, sekali gus dapat mampu berdaya saing.

Namun demikian, Sim menegaskan golongan usahawan tidak seharusnya menumpukan kepada aktiviti durian sahaja.

Menurutnya, pertanian itu memerlukan jangka masa panjang dan komitmen tinggi sekitar tiga tahun, sebelum ia boleh mengeluarkan hasil.

Oleh itu, beliau menyarankan anak muda melibatkan diri dalam rangkaian pertanian lain yang lebih meluas seperti perternakan, perikanan, asas tani dan sebagainya.

"Saya nampak walaupun ada anak muda tempatan yang tidak berpelajaran tinggi hanya setakat sekolah menengah, tetapi jika minat yang mendalam dan mendapat bimbingan akan menampakkan hasil terhadap tanamannya.

"Anak muda kurang diberi pendedahan mengenai pertanian ini sehingga wujud persepsi merasakan bidang ini seperti 3d (kotor, sukar dan berbahaya) menyebabkan minat itu tiada.

"Sebaliknya, saya nak beritahu mereka bahawa bidang pertanian ini merupakan satu sektor yang malar hijau selamanya akan kekal kerana kita memerlukan sumber makanan," jelasnya.

### Transformasi Dusun Tradisional

Bagi Exco Jawatankuasa Tetap Insfrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Selangor Ir Izham Hashim, peruntukkan bagi mengembangkan bidang ini dalam kalangan golongan muda perlu disediakan.

Jelas beliau, dengan adanya peruntukkan ini secara tidak langsung membantu dari segi modal serta membolehkan mereka memasarkan hasil tanaman mereka lebih luas.

"Di Selangor sendiri baru-baru ini kita luluskan bantuan usahawan muda yang kebanyakannya seawal usia 20an.

"Kita bagi bantuan RM20,000; RM25,000 untuk mereka kembangkan tetapi kita tidaklah beri kepada mereka yang tidak pengalaman.

"Kebanyakan dari mereka mengusahakan tanaman cili, ada juga tanaman kontan sebagainya," katanya ketika dihubungi Suara Keadilan.

Menyedari keperluan itu kata Sim Tze Tzin, kementeriannya sudah memperkenalkan Program Transformasi Dusun Tradisional Durian.

Ia sebagai komitmen berterusan dalam usaha meningkatkan nilai komersial pasaran buah durian.

"Setakat ini sudah ramai yang sertai program ini tetapi bergantung kepada modal dan bajet. Tetapi mereka perlu ingat kena tunggu 3-4 tahun kemudian baru hasilnya akan nampak," katanya.

Bagi menyertai program ini, golongan muda khususnya boleh berhubung dengan pejabat pertanian daerah, atau melayari laman sesawang www.doa.gov.my.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | KEADILAN | NEGERI | 25 |




# Port Dickson jadi pusat industri kelapa

**PORT** Dickson disasarkan sebagai daerah pengeluar terbesar kelapa di Negeri Sembilan dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Menteri Besar, Aminuddin Harun berkata, langkah itu bakal dilaksanakan menerusi reformasi pertanian.

"Kita hari ini tertumpu pada tanaman kelapa yang akan dibuat di Kampung Pachitan, Kampung Sawah, Kampung Chuah, dan Kampung Bukit Pelandok.

"Kampung ini satu ketika dulu pengeluar kelapa terbesar untuk daerah Port Dickson, sebelum bertukar kepada kelapa sawit," katanya.

Menurutnya, kehadiran pelancong bakal menyemarakkan lagi pemasaran produk tani berasaskan kelapa.

"Beberapa bulan lepas, dah diadakan program di Bagan Pinang. Sebanyak 2,000 pokok diedarkan.

"Hari ini, sebanyak 2,000 pokok diserahkan kepada penduduk kampung untuk ditanam di sekeliling rumah mereka terlebih dulu.

"Kita harap usaha ini akan mendatangkan kesan positif untuk meningkatkan hasil pendapatan penduduk," katanya.

Pada masa sama, kata Aminuddin, ada juga lokasi yang mengusahakan kelapa untuk dibuat santan misalnya di Kampung India, Bukit Pelandok.

"Kita akan kembangkan ini sebagai permulaan," katanya selepas menghadiri Program Hari Ladang Peringkat Daerah Port Dickson di Dataran Kampung Pachitan, di Port Dickson, semalam.

Turut hadir adalah Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir serta Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Hisyam Yacob.

> **Kita harap usaha ini akan mendatangkan kesan positif untuk meningkatkan hasil pendapatan penduduk,"**
>
> **AMINUDDIN HARUN**
> Menteri Besar Negeri Sembilan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/8/2019 | KEADILAN | UTAMA | 4 |

# Dasar pertanian pintar akan diperkenal



**BAGI** mengangkat martabat pertanian, kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) akan mengubah landskap pertanian tradisional kepada pertanian moden.

Atau lebih tepat lagi ia satu dasar baharu berkaitan pertanian pintar atau smart farming, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi Mohamed Azmin Ali **(gambar)**.

Konsep pertanian pintar ini menurut Azmin, pelaksanaan mempunyai potensi besar dengan adanya kemajuan pelbagai teknologi termasuk robotik.

"Pihak kementerian kini dalam proses rundingan dengan beberapa institusi kewangan tentang pembiayaan dengan kadar faedah paling minima kepada petani kecil yang terlibat dengan pertanian pintar ini.

"Cuma kita mahu rakyat khususnya pekebun dan petani diberikan latihan dan bantuan untuk terlibat dalam sektor pertanian pintar," katanya selepas menyertai larian World Stats Congress 2019 bagi kategori 5 kilometer di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur.

Kerajaan mahu melihat bagaimana sektor pertanian dapat dikembangkan dan tentunya pertanian pintar itu menjadi pendekatan baharu, katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin melepaskan lebih 7,000 peserta larian sempena Kongres Statistik Sedunia, Institut Statistik Antarabangsa (ISI WSC 2019) ke-62 yang diadakan buat julung kalinya di Malaysia, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | SINAR HARIAN | NEGERI PANTAI TIMUR | 31 |

# Terengganu tumpu pertanian kontan

**KUALA TERENGGANU –** Terengganu akan memberi lebih tumpuan terhadap bidang pertanian kontan yang mendatangkan pulangan ekonomi segera atau *cash crop*.



DR AZMAN

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tumpuan tersebut termasuk peruntukan pengembangan atau kelulusan tanah kerajaan bagi projek pertanian baharu.

Menurutnya, keputusan itu selaras dengan hala tuju baharu pertanian Terengganu berdasarkan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 yang menumpukan ke arah menjadikan negeri ini sebagai pengeluar makanan atau *food security*.

"Hala tuju ini selaras dengan dasar dan strategi pertanian negara di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bermakna Terengganu tidak bersendirian dalam melaksanakan dasar baharu pertanian negeri," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Azman berkata, permohonan tanah kerajaan untuk pembukaan kawasan baharu tanaman getah dan sawit bukan lagi keutamaan kerajaan untuk diberikan pertimbangan.

"Apa pun untuk komoditi sawit dan getah, kita kekalkan keluasan sedia ada," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | SINAR HARIAN | NEGERI UTARA | 33 |

# Nelayan perlu lapor SPRM

*Jika terdapat penyelewengan dalam sektor perikanan*

ROSHILA MURNI ROSLI

KUALA KEDAH



Shaharom Nizam bersama nelayan dan juga ahli panel pada Majlis Dialog SPRM Bersama Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah di Dewan Komuniti Nelayan Kuala Kedah semalam.

Nelayan diminta membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya terdapat penyelewengan dalam sektor perikanan.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap berkata, pengadu tidak perlu gusar mengenai identiti kerana pihak SPRM akan merahsiakan maklumat.

Menurutnya, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak berkaitan penyalahgunaan kuasa dalam sektor terbabit.

"Kita ada terima beberapa surat layang tanpa info yang lengkap.

"Ada sebut di Kuala Kedah, Langkawi dan beberapa tempat, tetapi apabila maklumat tidak jelas, sukar kita buat siasatan," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog SPRM Bersama Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah di Dewan Komuniti Nelayan Kuala Kedah di sini semalam.

Shaharom Nizam berkata, beliau lebih terbuka sekiranya pengadu berani tampil berjumpa pegawai SPRM dan berbincang mengenai aduan yang ingin dikemukakan.

"Kalau tak mahu tulis surat lengkap dengan maklumat diri, mereka boleh jumpa dengan pegawai SPRM. Segala maklumat mereka akan dirahsiakan," katanya.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail menyarankan SPRM memantau sektor perikanan negara bagi memastikan sektor itu bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Beliau menyuarakan kebimbangan itu susulan rungutan nelayan yang mendakwa berlakunya penguatkuasaan yang lemah dalam sektor terbabit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 16 |

Alor Setar

# Kenal pasti masalah petani

Kerajaan negeri akan meminta agensi berkaitan membuat laporan mengenai keadaan sawah di Kampung Kolam, Mukim Tualang di sini, bagi mengenal pasti masalah sebenar menimpa petani di kawasan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin berkata, setakat ini beliau belum menerima sebarang aduan daripada petani berkenaan.

"Jika benar petani di kawasan itu dalam kesusahan, saya akan membantu menyelesaikan masalah mereka dengan segera," katanya ketika ditemui di Wisma Darul Aman, semalam.